

KONSEP PENYELIDIKAN TINDAKAN

oleh Mohd. Isa bin Abd. Razak

Kita Penyelidik

Dalam hidup ini kita sentiasa melakukan penyelidikan. Misalnya, sebelum kita bertolak ke sesuatu destinasi baharu, biasanya kita akan *bertanya* kepada rakan-rakan tentang arah menuju ke destinasi itu. *Bertanya* adalah proses melakukan penyelidikan. Kita juga biasanya bertanya atau melakukan tinjauan sebelum membeli sesuatu barang. Satu daripada tujuan pertanyaan atau tinjauan itu ialah untuk memahami perbezaan harga dan kualiti sesuatu barang sebelum kita membuat keputusan sama ada hendak membeli atau tidak barang tersebut. Keputusan pembelian kita akan menjadi lebih tepat sekiranya berasaskan penyelidikan.

Guru Boleh Memahami Situasi Melalui Penyelidikan

Para guru sering terdedah kepada berbagai-bagai situasi kompleks yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Misalnya, sering kali pelajar-pelajar gagal mencapai tahap yang dijangka. Hal ini berlaku kerana *terdapat jurang perbezaan antara jangkaan dan amalan guru dalam pengajaran*.

Untuk mendekatkan jurang ini, budaya penyelidikan perlu dijadikan sebahagian daripada budaya sekolah dan asas kepada tindakan perkembangan ikhtisas guru. Melalui aktiviti penyelidikan ini guru akan lebih memahami situasi persekitarannya. Pemahaman terhadap situasi ini dapat membantu guru membuat keputusan yang berkaitan dengan pelbagai aktiviti meningkatkan lagi pengajaran seperti aktiviti memperbaiki mutu pencapaian pelajar dan kegiatan mengatasi masalah disiplin pelajar.

Latihan 1: Sudah pasti anda menghadapi pelbagai cabaran semasa menjalani praktikum fasa pertama dahulu. Senaraikan **lima** cabaran sebenar yang anggota kumpulan anda hadapi semasa berhadapan dengan murid-murid. Pilih **satu** daripada cabaran itu dan tuliskan huraian dalam lingkungan 100 patah perkataan sahaja. **KB** (dilaporkan secara lisan sahaja): Rumuskan dapatan kumpulan anda hasil daripada latihan ini.

Dua Jenis Penyelidikan

Jika guru ingin mengkaji situasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan bilik darjah, ia perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas tentang kaedah dan teknik penyelidikan. Dalam bidang penyelidikan pendidikan terdapat beberapa kaedah dan teknik penyelidikan. Umumnya, berdasarkan cara maklumat (data) dikutip dan dianalisis, jenis penyelidikan boleh dibahagikan menjadi dua iaitu penyelidikan bersifat kuantitatif, dan penyelidikan bersifat kualitatif

Dalam penyelidikan pendidikan, kedua-dua jenis pendekatan dan kaedah penyelidikan itu mempunyai peranan masing-masing bergantung pada rasional dan objektif kajian. Namun demikian, dalam konteks penyelidikan tindakan yang dilakukan oleh guru-guru di

sekolah, pendekatan yang digunakan merupakan penyelidikan bersifat kualitatif. Pendekatan ini mengutamakan *situasi yang sebenar di sekolah* dan huraian dilakukan secara deskriptif dan terperinci.

Definisi Penyelidikan tindakan

Pelopop penyelidikan tindakan bilik darjah di United Kingdom, Elliott dan Adelman (1976) berpendapat *penyelidikan tindakan adalah satu pendekatan penyelidikan yang berusaha mempertingkatkan mutu profesionalisme guru dengan cara menyelidik **situasi sosial** di sekolah*. Tujuan penyelidikan itu ialah memperbaiki kualiti amalan guru.

Latihan 2: Berikan **lima** contoh *situasi sosial* di sekolah anda yang berkaitan dengan tingkah laku murid atau masalah murid dari persepsi anda sebagai guru pelatih. Pilih satu daripada contoh itu dan tuliskan huraian dalam lingkungan 100 patah perkataan sahaja. **KB** (dilaporkan secara lisan sahaja): Nyatakan maksud *situasi sosial di sekolah* dengan perkataan anda sendiri.

Elliott (1981) menambah, "penyelidikan tindakan adalah rangka untuk penilaian sendiri di sekolah dan pendekatan dalam penyelidikan tindakan mementingkan refleksi dan inkuiri yang bertujuan memperbaiki atau mengubah amalan sendiri dalam sesuatu situasi sosial".

Carr dan Kemmis (1986) juga menyatakan penyelidikan tindakan adalah satu bentuk refleksi sendiri melalui aktiviti inkuiri untuk memperbaiki dan memahami amalan dan situasi sosial.

McNiff (1998) menerangkan bahawa penyelidikan tindakan adalah satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan pendidikan melalui perubahan yang menggalakkan guru-guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan menjadi bersedia untuk mengubah amalan-amalan itu. Menurut beliau, pendekatan ini melibatkan guru melaksanakan inkuirinya sendiri serta melibatkan guru-guru lain secara kolaboratif (usaha sama) sewaktu mengadakan kajian.

Lomax (1994) menegaskan penyelidikan tindakan adalah penyelidikan pendidikan (*educational research*) yang berbeza dengan penyelidikan dalam pendidikan (*research in education*).

Latihan 3: Daripada penjelasan "Definisi Penyelidikan Tindakan" di atas, pilih **lima** perkataan/frasa yang anda anggap dapat menunjukkan ciri-ciri penyelidikan tindakan. Pilih **satu** daripada perkataan/frasa itu dan huraikan maksudnya dalam lingkungan 100 patah perkataan sahaja. **KB** (dilaporkan secara lisan sahaja): Rumuskan pemahaman kumpulan anda terhadap maksud penyelidikan tindakan.